

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 7 RABU 16 FEBRUARI 1972

1392 رايو 1 محرام PERCHUMA

ISTIADAT MENYAMPAIKAN SURAT TAULIAH KAPADA PENASEHAT UMUM KEBAWAH D. Y. M. M. SULTAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menyampaikan Surat Tauliah kepada Penasehat Umum baginda, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Hj. Ibrahim, dalam satu istiadat yang berlangsung di-Lapau Bandar Seri Begawan pada hari Khamis lepas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awg. Isa telah di-lantek menjadi penasehat U m u m dibawah DYMM Baginda Sultan pada 1 Oktober tahun 1971.

Se-belum menjawat jawatan tersebut, beliau menjadi Timbalan Menteri Besar.

Terdahulu sa-belum itu, Surat Tauliah tersebut telah di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Awang Haji Abdul Hamid.

Istiadat menyampaikan Surat Tauliah itu telah di-saksikan oleh pembesar2 negara, termasuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Peter Gautrey, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir; Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Amat Mulia Cheteria2; Ahli2 Majlis Meshuarat dan ketua2 jabatan.

Do'a selamat telah di-bachakan oleh Kadhi Besar, Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Awang Haji Metali bin Mohamed Yassin.



Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang menyampaikan Surat Tauliah kepada Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa.

Pemimpin2 di-seru supaya tidak menyalahgunakan kuasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemimpin2 persatuan di-negeri ini telah di-ingatkan supaya tidak hanya bermegah dengan jawatan tetapi hendaklah bertanggung-jawab dan tidak menyalahgunakan kuasa2 yang di-berikan.

Mereka juga di-ingatkan tentang kemungkinan ada-nya gulungan yang hendak merosak perpaduan dan persafahaman yang berusaha mempengaruhi orang2 lain untuk mendatangkan benchana.

Masaalah2 itu ada-lah merupakan ujian2 penting yang perlu di-hadapi oleh pemimpin2 dengan waspada dan menggunakan kebijaksanaan untuk mengatasi-nya dengan chara yang aman.

Demikian antara yang di-ucapkan oleh Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain ketika merasmikan pembukaan mashuarat agong ke-9 Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama pada hari Jumaat lepas.

Beliau juga menyatakan bahawa kebiasaan-nya sa-sabuah persatuan itu boleh menempoh zaman tenggelam timbul dan pasang surut-nya sa-lain dari menempoh berbagai2 charan dan keretakan.

"Segala2-nya itu ada-lah sa-bagai satu ujian, khas-nya kepada pemimpin2 dan dari ujian2 ini-lah akan menambahkan pengalaman2 serta akan ternampak kebijaksanaan2 pemimpin2 yang benar2

(Lihat muka 8)



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.

Keluaran setem khas

BANDAR SERI BEAGWAN. — Pejabat Besar Pos akan mengeluarkan satu set setem khas bagi memperingati pembukaan rasmi Muzium Brunei akan di-lakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II. pada 29hb. Februari ini.

Setem2 itu berharga 10 sen, 12 sen, 15 sen, 25 sen dan 50 sen dan akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-seluruh negeri pada hari tersebut.

Sampul2 surat hari pertama bagi setem2 keluaran khas itu

telah mula di-jual di-pejabat2 pos di-seluruh negeri dengan harga 20 sen satu.

Satu lagi keluaran setem khas ia-itu bagi memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen ka-Brunei juga akan di-jual di-semua pejabat2 pos pada 29hb. Februari, 1972.

Setem2 tersebut akan terus di-jual di-semua pejabat2 pos sa-lama tiga bulan atau sa-hingga setem2 itu habis dalam simpanan.

USUL ASAL RAJA BERUNAI PURBA

SUNGGOH pun negara Berunai telah ujud sejak dari sa-belum K.M. VII, dan sepanjang penyelidekan yang diketahui, belum-lah ada terdapat kenyataan2 yang menunjukkan bahawa salasilah raja2 Berunai dari masa permulaan lahir-nya itu hingga kepada Sultan Muhammadi I (Awang Alak Betatar) ia-itu Sultan yang pertama bagi negara Berunai. Bukan-lah berarti bahawa negara Berunai sa-belum itu belum mempunyai raja atau tidak ada kerajaan-nya, malah kerajaan Berunai itu pernah disebutkan dalam riwayat China yang terkarang dalam T.M. 518, 619 dan 621, yang menyatakan ada sa-buah negeri bernama Puni atau Puli yang jauh-nya 45 hari perjalanan ka-negeri China dan tersebut dalam sejarah Filipina pula menyebutkan, kira2 T.M. 1250 satu angkatan putera2 Diraja Pulau Berunai yang di-ketuai oleh Datu Puteh telah pergi ka-pulau2 yang di-Utara Pulau Berunai (Pulau Filipina) kerana melarikan diri disebabkan oleh sa-suatu perselisihan di-antara keluarga mereka dan sa-terus-nya mereka telah membuka negeri di-kepulauan tersebut, di-satu tempat yang di-namakan Panai.

Dari riwayat yang disebutkan ternyata-lah bahawa Kerajaan Berunai itu telah ujud, dan ada raja yang memerintah-nya sa-kadangkala tidak diketahui asal usul raja yang memerintah di-Berunai di-masa itu. Sa-hingga kepada zaman Awang Alak Betatar baharu-lah terdapat salasilah Raja2 yang memerintah Berunai itu. Walau bagaimana pun Awang Alak Betatar bukan-lah Raja Berunai yang pertama, kerana ujud-nya negara Berunai telah berkurun2 lama-nya lebeh dulu dari zaman baginda. Pernah disebutkan oleh orang tua2 bahawa asal usul Raja Berunai ini dari anak chuchu Geroyong (Pagar Ruyong), satu shaer yang mungkin terkarang dalam K.M. XVII, bahawa Awang Alak Betatar itu mempunyai empat belas saudara ia-itu: Awang Semaun, Pateh Marbai (Berbai), Pateh Mambang, Pateh Tuba, Pateh

Sangkuna, Pateh Mangarun, Pateh Malakai, Pateh Pahit, Damang Sari, Pateh Sindayong, Damang Lebar Daun, Hapu Awang dan Pateh Laila Langgong. Di-samping itu disebutkan juga sa-pupu-nya Awang Jerembak yang beranakkan Awang Senuai yang termashor dengan persabong-an di-antara Berunai dan Majapahit yang mana ayam-nya (Awang Senuai) yang bernama "Mutuara" telah dapat mengalahkan ayam Bentara Majapahit yang bernama "Asmara". Alak menurut bahasa Batak arti-nya "orang". "Betatar" menurut bahasa Melayu Berunai arti-nya chara membentok suatu benda yang dibuat (biasa-nya dari logam) dengan menggunakan tukul dan landasan supaya benda itu menjadi menurut chadangan yang di-maksud. Jadi Alak Betatar bermakna orang yang di-perbuat dengan jalan di-tatar. Ini bukan-lah sa-benar-nya ia di-tatar, hanya melambangkan kegagahan-nya saja.

Dari nama2 yang kebanyakan-nya bersamaan dengan nama2 Minangkabau ini dan susunan pemerintahan-nya yang menggunakan Pateh dan Damong (Demang) sa-bagai pembesar yang utama yang mana kedua-nya ini digunakan juga oleh Kerajaan Minangkabau di-zaman purba, mungkin juga mereka itu ada mempunyai kaitan keluarga dengan raja2 Minangkabau. Gelaran Bendahara dan Temenggong di-gunakan oleh Sultan Berunai sa-telah perkahwinan Sultan Muhammad I (Awang Alak Betatar) dengan puteri Johor (Melaka atau Singapura Tua). Dengan keadaan perubahan ini bermakna-lah kerajaan yang terdahulu itu ada-lah menurut peratoran yang lebeh tua atau dengan kata yang lain berarti juga bahawa Kerajaan Berunai sudah lama ujud.

Dalam salasilah Raja2 Berunai ada juga menyebutkan kaitan perhubungan Raja2 Berunai dengan raja2 Johor (Melaka atau Singapura Tua) dan sedikit sa-banyak ada mempunyai persamaan dengan cherita yang terdapat dalam Sejarah Melayu yang di-karang oleh Tun Seri Lanang dalam T.M. 1612. Pada hal, menurut cherita keluarga diraja Berunai yang menyimpan salasilah itu bahawa cherita2 yang tersebut dalam salasilah itu ada-lah di-dapati turun temurun sejak dari Awang Alak Betatar. Boleh kata salasilah itu tidak berkaitan dengan Se-

OLEH:
Y. B.

PEHIN
ORANG

KAYA AMAR DIRAJA

DATO SERI UTAMA

(DR.) AWG. HAJI MOHD.

JAMIL AL-SUFRI

jarah Melayu kerana cherita2 Sejarah Melayu itu terkenal ka-Berunai dalam masa sa-belum Perang Dunia II. Dari itu persamaan cherita itu boleh di-anggap sa-bagai satu sumbar sejarah. Salasilah yang tersebut ada-lah seperti berikut:-

"Bahawa ini-lah salasilah anak chuchu sultan Iskandar Dzulkarnian yang beristeri di-dalam ayer nama-nya Raja Suran, beranak tiga orang, sa-orang keluar dunia negeri Pelimbang. Ini-lah pada menyatakan anak raja yang jatuh ka-gunong Siguntang di-dapat oleh Wan Malani. Dan nama-nya raja itu Seri Pahlawan. Dan beberapa bini-nya di-dalam negeri itu tidak beranak. Ada raja di-laut nama-nya Demong Lebar Daun beranak sa-orang, nama-nya Tuan Sandari. Di-ambil bini oleh Seri Pahlawan, ia-lah jadi bergelar Sang Sapurba di-negeri Pelimbang, jadi menantu Demong Lebar Daun, beranak empat orang, yang tua Sang Maniaka dan kedua Tuan Puteri Chendera Dewi dan ketiga Tuan Puteri Mengindera Dewi yang ke-empat Sang Nila Utama. Dan Sang Manika di-beri ayah-nya ber b i n i anak raja Tanjong Pura. Dan Tuan Puteri yang tua di-pinang oleh Betara Majapahit. Dan Tuan Puteri yang bungsu itu di-pinang oleh Raja China. Dan Sang Nila Utama berbini anak Puteri Iskandar di-Bentan. Maka baginda pun kemas (sudah) memberi berlaki berbini anak-nya keempat itu ia pun berlaki (belayar) ka-Minangkabau, berbini di-negeri itu, anak tua2 Minangkabau. Negeri itu belum lagi beraja. Itu-lah membawa pesaka-nya nama pedang-nya Si-Mandang Kini, nama lembing-nya Lembuara dan nama chap-nya Kayu Kempa dan mahkota-nya satu. Dan hulubalang-nya bernama Permaksi Mambang. Ia-lah membunuh ular. Itu-lah maka di-nama Pagar Ruyong. Maka kemudian anaknya yang bernama Sang Nila Utama itu berkaul ka-Tanjong Bemban serta membawa isteri-nya. Maka terpangang tanah sa-berang itu Temasek nama-

SIRI KE-EMPAT CHERAMAH SEJARAH

nya. Di-dalam laut itu angin pun turun serta ombak pun besar, tidak tertahan lanchang kenaikan itu. Berdatang sembah-lah Manteri kepada raja-nya "Jikalau tidak di-buang mahkota, tidak kenaikan timbul". Bertitah-lah Raja suroh buang, jangan bermara kapada kita. Tiba2 tedoh-lah angin itu lalu datang ka-Temasek itu lalu berburu-lah ka-darat, berjumpa satu ekor sarupa kambing. Di-tanya oleh Raja itu, tidak sekalian orang2 tahu. Titah baginda Demong Lebar Daun sa-rupa macham itu singa, Maka kata Raja, baik negeri ini. Tidak lagi aku pulang ka-Bentan. Karar-lah baginda itu di-Temasek. Sebab itu-lah maka di-gelar Singapura negeri itu. Baginda pun bergelar Seri Teri Buana, berbuat istana di-Johor, beranakkan Raja Johor dan sa-orang perempuan. Maka kemudian kedengaran khabar ada Raja di-negeri Berunai nama-nya Awang Alak Betatar anak Sang Aji dan wazir-nya Pateh Berbai. Baginda itu, maka di-panggil kedua-nya ka-Johor. Maka di-buatkan menantu, bernama Paduka Seri Sultan Muhammad di-Johor. Dan Pateh Berbai jadi Bendahara Seri Maharaja. Dan Sultan Muhammad pun beberapa lama-nya maka pulang ka-Berunai membawa puteri itu. Maka dapat pula pesaka negeri lima buah, pertama Kelaka kedua Sambas ketiga Sadong ke-empat Samarahan kelima Sarawak dan lagi Genta, alamat dari Johor Kamul Makam. Dan kemudian mengambil pula Nobat dan Nakara itu di-negeri Minangkabau dan di-negeri Siguntang. Yang pertama-tama kerajaan di-negeri Berunai membawa hukum Islam mengikut shariat nabi kita Muhammad Mustafa Salallohu alaihi wassallam di-negeri Berunai ia-itu Paduka Sultan Muhammad. Adalah zaman dahulu kala daripada baginda itu, negeri Berunai lagi kafir, ta'alok ka-Majapahit. Pada masa itu Betara Majapahit sudah hilang dan Pateh Aria Gajah Mada menggantikan Raja negeri itu. Dan Majapahit pun binasa. Maka tidak lagi Berunai menghantar upi sa-tempayan ayer pinang muda pada tahun2 hatta tatkala masa Seri Teri Buana tidak-lah Berunai ka-Majapahit

(Lihat Muka 3)

USUL ASAL RAJA BERUNAI PURBA

(Dari Muka 2)

lagi. Dan Sultan Muhammad beberapa lama-nya di-Johor tiada beranak dengan puteri itu di-bawa pulang ka-Berunai baru-lah beranak sa-orang perempuan. Masa Raja China menyuruh mengambil kumala di-bukit Kinabatangan, beberapa lama-nya tidak dapat. Beberapa China yang balu. Maka kemudian menyuruh lagi wazir-nya dua orang, sa-orang bernama Ong Kong, sa-orang bernama Ong Sum Peng. Maka tidak dapat oleh Ong Kong. Maka Ong Sum Peng berbuat peti kaca, di-taruh-nya dian di-dalam peti itu. Ketika naga mencari makanannya di-ambil oleh Ong Sum Peng (kumala itu) lalu berlari (belayar). Di-tengah laut, dilihat oleh Ong Kong lalu di-ambil-nya (kumala itu) di-bawa ka-negeri China dan Ong Sum Peng menuju ka-Berunai. Terdengar-lah Ong Sum Peng baginda Sultan Muhammad beranak dengan puteri Johor sa-orang perempuan, maka diperbuat-nya bini oleh Ong Sum Peng. Ia-lah pengganti kerajaan mertua-nya. Ia-lah bergelar Sultan Ahmad, kerajaan ia di-negeri Berunai. Maka baginda itu pun beranak perempuan juga bertambah2 baik-nya. Ia-lah di-namai-nya puteri Kinabatangan. Paras-nya pun tiada di-dalam negeri Berunai, terlebih daripada bonda baginda. Bermula sa-orang 'alim Farsi datang ka-Berunai. Maka tuan itu mendengar khabar putera (puteri) baginda itu amat elok rupanya. Maka tuan itu pun berahi akan anak raja itu. Maka tuan itu pun menamai diri-nya Sharif Ali panchir daripada Amirul Hasan yang datang dari negeri Taif. Maka di-ambil oleh baginda akan jadi menantu tuannya itu dan ia-lah pula kerajaan di-negeri Berunai. Semua perkakas alat kerajaan di-berikan oleh baginda kepada anakda baginda.

Satu salasilah lain lagi yang tertulis di-bantu bersurat di-Makam Diraja Berunai ada juga menyebutkan keturunan Raja2 yang memerintah Berunai itu tetapi di-antara kedua itu ada mempunyai sedikit perbezaan mengenai dengan Ong Sum Peng yang di-katakan sa-bagai ipar kepada Sultan Ahmad bukan menantu Sultan Muhammad I. Salasilah itu ada-lah seperti berikut:-

Ini-lah salasilah Raja2 yang Kerajaan di-negeri Berunai dinyatakan oleh Dato' Imam Yaakub, ia mendengar daripada Marhom Bungsu yang bernama Sultan Muhyiddin dan Paduka Maulana Sultan Kamaluddin. Kedua Raja itu menyuruh menyuratkan Dato'

nenek moyang-nya supaya diketahui oleh segala anak chuchu-nya sampai sekarang ini wallahualam. Maka Paduka Seri Sultan Mohammad Tajuddin menitahkan kepada Haji Khatib Abdul Latif menyuruh menyuratkan salasilah ini diketahui oleh segala anak chuchu-nya Raja yang mempunyai Takhta Mahkota Kerajaan dalam kandang Daerah Negeri Berunai Darussalam yang turun temurun yang mengambil pesaka Nobat Nakara dan Ganta Alamat dari negeri Johor Kamalul Al-Makam dan mengambil lagi pesaka Nobat Nakara, Ganta Alamat dari Minangkabau ia-itu negeri Andalas. Maka ada-lah yang pertama Kerajaan di-negeri dan membawa Ugama Islam dan mengikut shari'at Nabi kita Mohammad s.a.w. ia-itu Paduka Seri Sultan Mohammad dan saudara-nya Sultan Ahmad. Maka beranak sa-orang perempuan dengan isteri-nya saudara Raja China yang di-ambil daripada China Bertangan. Maka puteri itu-lah yang di-ambil oleh Sharif Ali yang turun dari negeri Taif. Maka Sharif Ali itu-lah Kerajaan di-namakan dia Paduka Seri Sultan Berkat ia-lah yang mengeraskan shari'at Rasulullah s.a.w. dan berbuat mesjid dan segala rayat China berbuat Kota Batu. Tuan Sharif Ali itu panchir salasilah daripada Amir-Muminin Hasan chuchu Rasulullah. Maka Paduka Seri Sultan Berkat itu berakkan Paduka Seri Sultan Bolkih ia-lah Raja yang mengalahkan negeri Sulok dan mengalahkan negeri Saludang dan nama Raja-nya Dato' Gamban dan lagi Sultan Bolkih berakkan Paduka Seri Sultan Abdul Kahar yang di-namai Marhom Karamat. Marhom Karamat berakkan Paduka Seri Sultan Saiful Rijal. Sultan Saiful Rijal berakkan Paduka Seri Sultan Shah Berunai. Kemudian saudara-nya pula kerajaan Paduka Seri Sultan Hasan ia-lah Marhom di-Tanjong. Maka anak chuchu baginda itu-lah yang mengambil Kerajaan dalam negeri Berunai ini mana yang baik bichara-nya. Sultan Hasan itu-lah yang keras di-atas tahta Kerajaan mengikut perintah Sultan Mahkota Alam yang di-negeri Aceh dan Sultan Hasan yang berakkan Sultan Abdul Jalilul Al-Jabar berakkan Pengiran Bendahara Untong. Pengiran Bendahara Untong berakkan Temenggong Mo'min Amirulfaza di-dalam negeri Berunai juga. Kemudian saudara-nya Marhom Tua dinaikkan Kerajaan bernama Paduka Seri Sultan Mohammad Ali ia-lah nenek Paduka

Seri Sultan Mohammad Alauddin yang Kerajaan sekarang ini di-negeri Berunai. Maka wafat-lah baginda itu. Maka kemudian Kerajaan pula anak saudara-nya bernama Paduka Seri Sultan Muhyiddin. Kemudian Kerajaan anak saudara-nya Paduka Seri Sultan Nasaruddin. Kemudian anak Sultan Mohammad Ali bernama Paduka Seri Sultan Kamaluddin ia-lah memberikan Kerajaan-nya kepada anak chuchu saudara-nya ia-lah Kerajaan pada masa ini bernama Paduka Seri Sultan Mohammad Alauddin. Kemudian di-rajakan pula anak-nya Paduka Seri Sultan Omar Ali Saifuddin. Kemudian di-berikan pula Kerajaan-nya itu kepada anak-nya Paduka Seri Sultan Mohammad Tajuddin. Kemudian, di-berikan pula Kerajaan-nya itu kepada anak-nya Paduka Seri Sultan Mohammad Jamalul Alam. Maka telah wafat-lah baginda itu. Maka kembali pula Kerajaan-nya itu kepada ayahanda baginda ia-itu Paduka Seri Sultan Mohammad Tajuddin wallahualam. Kemudian dari itu tiada-lah hamba mengetahui akan hal anak chuchu-nya yang akan menjadi Raja pada hijrat Nabi s.a.w. sa-ribu dua ratus dua puluh sa-tahun pada Tahun Dal pada dua haribulan Dzulhijjah pada hari Arba'a Sanah 1221."

Dari kedua salasilah ini dapat-lah kita mengagak zaman Sultan Muhammad (Awang Alak Betatar) itu memerintah dan zaman pengganti2 baginda dengan membandingkan keadaan yang di-sebutkan didalam salasilah itu dengan sumbar2 yang lain. Dan di-antara kedua2 salasilah ini pun hampir2 bersamaan, hanya yang berbedza tentang "Ong Sum Peng" yang di-katakan Sultan Ahmad manakala yang satu lagi mengatakan "Sultan Ahmad" ada-lah adek kepada Sultan Muhammad. Kesimpulan perkara ini hanya akan dapat di-tentukan sa-sudah dikaji kesan2 yang bersangkutan-nya. Jika di-bandingkan tarikh yang tersebut dalam batu nisan di-Makam Sultan Sharif Ali yang lindong pada T.M. 836 yang bersamaan dengan T.M. 1432 yang baginda terus di-ganti oleh putera-nya Sultan Sulaiman tentu-lah umur putera baginda itu sudah dewasa. Memandang kepada keadaan demikian sa-kurang2nya umur Sultan Sulaiman itu 20 tahun (baginda di-puterakan pada T.M. 1412) dan jika baginda itu (Sultan Sulaiman) putera yang sulung sa-kurang2-nya bonda baginda dilahirkan pada T.M. 1392 dan berma'ana perkahwinan-nya sa-kurang2-nya pada T.M.

1390. Jika Sultan Ahmad (adek kepada Sultan Muhammad) telah berkahwin dengan puteri Kinabatangan (adek Ong Sum Peng) pada T.M. 1390 dan perkahwinan Ong Sum Peng dengan puteri Sultan Muhammad di-katakan terlebih dahulu dari perkahwinan Sultan Ahmad tentu-lah perkahwinan Sultan Muhammad dengan puteri Johor itu sa-kurang2-nya dua puluh tahun terdahulu dari tarikh-nya melahirkan puteri yang berkahwin dengan Ong Sum Peng itu, ia-itu di-antara T.M. 1368 dengan T.M. 1370. Pada masa raja yang di-katakan Raja Berunai itu lindong di-negeri China pada T.M. 1408, anak raja yang bernama "Awang" itu telah di-perintahkan untuk mengganti baginda. Mungkin perintah untuk mengganti itu di-buat menurut wasiat yang di-titahkan oleh Al-Marhom yang telah lindong itu dan "Awang" yang di-katakan-nya itu bukan anak-nya tetapi ia-lah adek baginda yang bergelar Pengiran Bendahara (yang kemudian menjadi Sultan Ahmad), kerana menurut pengartian Berunai "Awang" itu ada-lah panggilan kepada adek. Ini ada-lah bersesuaian dengan riwayat yang menyatakan bahawa Sultan Muhammad tidak mempunyai putera dan baginda telah di-ganti oleh adek-nya Sultan Ahmad yang berkahwin dengan Puteri Kinabatangan (adek kepada Ong Sum Peng) dan bersesuaian juga dengan Adat Istiadat Berunai yang lazim di-amalkan turun temurun bagi menentukan pengganti Sultan ia-itu jika Sultan tidak mempunyai putera yang gahara, sa-lagi saudara Sultan maseh ada warith yang berhak untuk menjadi pengganti Sultan akan lebih utama kepada saudara Sultan dari menantu. Dari itu "Awang" yang di-maksud itu bukan-lah "Ong Sum Peng". Walau bagaimana pun Ong Sum Peng ada-lah mempunyai hubungan keluarga dengan Sultan Berunai. Sa-bagai menjadi ristaan, kota batu dari Pulau Keingaran ka-Pulau Chermin ada-lah bekas usaha peninggalan-nya dan bagitu juga baju yang di-buat daripada buloh berchuchok yang menjadi warith pusaka turun temurun kepada kerabat diraja Berunai (yang mewarithi-nya) ada-lah menjadi suatu kenangan.

Perkahwinan Sultan Muhammad dengan puteri Johor yang di-jangka berlaku di-antara T.M. 1368-1370 itu di-katakan bahawa puteri Johor yang menjadi isteri Sultan Muhammad itu telah di-ambil oleh Awang Semaun ka-Beru-

(bersambung di-muka 4)

SUDAH bukan menjadi rahsia lagi bahawa di-masa2 kebelakangan ini ada di-antara umat Islam di-negara kita yang sedang membangun ini mencari jalan bengkok dalam gelombang perusahaan sekarang. Jalan bengkok yang kita maksudkan ia-lah chuba mencari keuntungan dengan jalan judi atau menjadikan judi suatu permainan yang serunok di-dalam sa-tengah2 majlis sambutan istiadat perkahwinan.

Kita belum-lah mendapat kepastian, apakah punca berlakunya kejadian ini dalam masyarakat kita sekarang. Adakah ini di-sebabkan ada-nya kemewahan yang melimpah yang kita nikmati dewasa ini, hingga tidak ada lain jalan untuk menaburkan wang ringgit melainkan dengan judi atau adakah judi itu menjadikan alat untuk meninggikan taraf hidup masing2. Atau adakah judi itu hanya di-jadikan sa-bagai hiburan sa-mata2.

Bagi orang yang berfikir waras tentu tidak akan bersejuga mengatakan bahawa wang ringgit patut di-habiskan di-meja perjudian. Begitu juga tidak ada orang yang mengatakan bahawa judi itu-lah membolehkan sa-seorang mencari keuntungan atau meninggikan taraf hidup masing2.

Bangsa Jepun yang menekmati taraf hidup yang tinggi di-kalangan bangsa2 di-dunia bukan kaya dengan berjudi, malahan kejayaan mereka itu semua-nya dengan jalan berusaha, berikhtiar, bekerja dengan rajin dan tabah dalam usaha mencari kekayaan, bukan dengan jalan perjudian.

Kalau-lah judi itu suatu hiburan sa-mata2, kita tidak fikir ia-nya suatu hiburan yang menguntungkan yang boleh meninggalkan jiwa yang bersih dan semangat yang tinggi. Kerana p a d a umum-nya orang2 yang terlibat dalam perjudian akan menerima gangguan urat saraf yang bukan hanya terjadi di-masa berjudi tetapi boleh berekor sa-lepas perjudian tersebut. Sa-orang pejudi akan menggunakan segala kekuatan fikiran-nya untuk mengalahkan rakan sa-perjudian-nya, yang mana dalam hal bukan tidak ada chuba mencari jalan untuk menipu rakan2-nya, ini pun sudah merupakan bebanan otak yang berat.

Bila kalah judi, bukan hanya wang ringgit habis, bahkan ada di-antara-nya yang bergadai perkakas2 rumah dan perhiasan2 isteri dan lain2 lagi. Bila ini terjadi mungkin pula berlaku perselisihan rumah tangga yang kadang2 membawa keruntuhan dan kesangsaraan. Malahan bukan tidak mungkin berpuncu dari perjudian itu akan terjadi perkelahian antara satu dengan lain, kalau demikian di-manakah letak-nya hiburan dari perjudian tersebut?

Oleh kerana itu-lah di-dalam Islam bahawa judi itu disifatkan sa-bagai najis dan perbuatan shaitan. Sa-bagai mana yang di-terangkan oleh Allah Subhanahu-Wataala di-

dalam Al-Quran di-surat Al-Maedah ayat 90 yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman! sesungguhnya minuman keras (arak) judi, berhala, bertenong, adalah pekerjaan yang keji daripada pekerjaan shaitan. Sebab itu hendaklah kamu jauhi, mudah2an kamu mendapat kemenangan".

Sebab itu-lah di-dalam Uguama Islam di-haramkan memakan dan menggunakan hasil2 perjudian.

Kegiatan berjudi ini bukan sahaja bagi orang2 yang terlibat tetapi dengan sendiri-nya akan merugikan masyarakat dan negara kita. Perbuatan ini bukan-lah membantu usaha2 kita untuk mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmoran kita, tetapi akan menyiratkan kita mundur kebelakang dalam usaha2 tersebut. Oleh hal yang demikian kita sukachita menganjorkan beberapa perkara untuk memberantas kegiatan perjudian ini.

Pertama — Tiap2 orang Islam hendaklah ingat dan sedar bahawa judi itu bagaimana pun jenis dan bentuk-nya ada-lah menyalahi hukum ugama Islam yang bukan sahaja berdosa melakukan-nya, tetapi juga mengaut hasil yang haram untuk di-pergunakan sama ada untuk di-makan, di-minum, dipakai atau sa-bagai-nya. Kerana itu ia-nya mesti di-hindarkan oleh sa-tiap orang yang mengaku diri-nya Islam.

Kedua — Sa-tiap perayaan majlis seperti malam berjaga2 kerana istiadat perkahwinan hendaklah di-hindarkan sama sekali daripada di-champori dengan perbuatan judi. Sa-tiap pehak yang terlibat sa-chara langsung atau pun tidak dalam perayaan atau majlis sa-umpama itu hendaklah mengawasi supaya ia-nya bersih daripada perbuatan2 tersebut. Kerana majlis2 perkahwinan sa-seorang ahli keluarga yang mana sa-berapa boleh-nya patutlah di-restui dan di-do'a-



KHUTBAH JUMA'AT

UMAT ISLAM DI-SERU BERIKHTIAR UNTUK MENGHAPUSKAN PERJUDIAN

kan semuga pengantin tersebut akan selamat dan bahagia di-dalam perkahwinan-nya. Dengan meng-champori majlis yang demikian, dengan unsur2 maksiat itu ada-lah di-kawatirkan akan bertukar menjadi sa-balek-nya.

Ketiga — Jika perlu, maka tindakan undang2 patutlah di-jalankan terhadap mereka yang terlibat, ke-

rana hal ini tidak-lah sa-wajar-nya di-biarkan berlakunya terus menerus, di-sebabkan ia-nya ada-lah terang2 merupakan anasir2 yang tidak sehat bagi negara yang sedang dalam pembangunan. Mudah2an dengan demikian akan selamat-lah masyarakat dan negara kita daripada anasir2 yang membawa kerugian.

Bergotong royong bena rumah

BANDAR SERI BEAGWAN. — Penduduk2 Kampong Pintu Malim, di-ketuai oleh Ketua Kampong mereka Awang Hj.

Tengah bin Hashim telah membena sa-buah rumah sa-chara gotong royong bagi Dy. Masni binte Haji Metussin pada minggu lepas.

Bekalan letrik di-perluas

TUTONG. — Jabatan letrik telah meluaskan bekalan letrik ka-Kampong Luagan Dudok, dalam Daerah Tutong.

Sa-orang juruchakap jabatan letrik berkata, bekalan letrik telah di-bekalkan di-sepanjang jalan besar di-situ, berikutan selesai-nya kerja2 yang di-laksanakan oleh jabatan itu, antara batu 18 Jalan Tutong ka-kampong tersebut.

Juruchakap itu berkata, letrik sekarang boleh di-bekalkan ke-rumah2 di-beberapa buah kampong di-sepanjang jalan di-kawasan itu.

Kira2 tujuh puluh lima peratus dari perkakas yang digunakan bagi pembenaan rumah itu di-dermakan oleh Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei dan yang lain-nya kepunyaan Dayang Masni, yang juga menjadi anggota pertubuhan itu.

Ini ada-lah salah satu projek pertubuhan itu dalam memberi bantuan kepada anggota2-nya.

Dayang Masni telah menguchapkan terima kasih kepada orang2 kampong itu dan Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei atas bantuan mereka dalam membena rumah-nya.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 Februari, 1972 hingga ka-hari Selasa 22 Februari, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
16 Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20 6-34
17 Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20 6-34
18 Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20 6-34
19 Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20 6-34
20 Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20 6-34
21 Feb.	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18 6-33
22 Feb.	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18 6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Pejabat

Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam perjawatan tetap untuk memenuhi kekosongan2 yang berikut di-Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan 'Awam, Brunei.

1. PENOLONG SETIA USAHA:

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama lima tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I atau Kerani Bahagian 'A' Lantekan Khas dan telah lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah dan Darjah V Melayu. Mesti-lah boleh membaca dan menulis Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 3 — EB 4 — \$1000x30-1120/EB/1160x30-1280.

2. PENOLONG PEGAWAI KERJA (PENGAMBILAN)

3. PENOLONG PEGAWAI KERJA (PERKHIDMATAN)

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama lima tahun dalam perjawatan tetap; lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah dan sekurang2-nya Darjah IV Melayu. Mesti-lah boleh membaca dan menulis Jawi.

(b) Pemohon2 mesti-lah berse-dia untuk menjalani ujian dalam hal-ehwal pentad-biran pejabat.

(c) Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I dan Kerani Bahagian 'A' Lantekan Khas boleh juga di-pertimbangkan dan akan di-kecualikan daripada menjalani ujian yang tersebut di-perenggan (b) di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 1 EB 2 — \$610-640-680/EB/710x30-950.

4. PENOLONG PERANGKAAAN RENDAH:

Pemohon2 mesti-lah lulus M.C.E. (aliran Ingeris) dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab atau kelulusan yang sebanding dan sekurang2-nya Darjah IV Melayu. Mesti-lah boleh membaca dan menulis Jawi. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang telah menghadiri sesuatu kursus Perangkaan sa-lama sekurang2-nya satu tahun dan telah lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah.

Sharat2 Khas:

Sa-seorang pegawai yang belum pernah menghadiri sesuatu kursus Perangkaan boleh juga di-pertimbangkan untuk di-lantek sa-bagai Pelatoh Penolong Perangkaan Rendah kemudian-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 1 EB 2 — \$610-640-680/EB/710x30-950.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 26hb. Februari, 1972

SA-BAGAI PEMBANTU TEKNIK KANAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang berke-layaan bagi jawatan2 Pembantu Teknik Kanan ('Am) di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Umor:

25 hingga 55 tahun.

Kelayakan2:

Diploma Kolej Teknik, Kuala Lumpur atau Sijil City & Guilds Intermediate dalam mata2 pelajaran yang berpadanan atau lain2 kelayakan yang sa-banding.

Pengalaman:

Mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman praktikal dalam satu atau lebih chabang2 Kejuruteraan Awam atau Bangunan, Ukur,

Reka Bentok, Pembinaan dan Pemeliharaan'an.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 2 — \$710x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang

di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat daripada 6hb. Mach, 1972.

Kenyataan2 Pegawai Penguasa Warith

SURAT KUASA PESAKA

No. 2/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dundong binte Lagan, d/a Sarah binte Salleh, Harrison & Crosfield, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohamed Salleh bin Abas yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 22 haribulan Februari, 1972, pada jam pukul 10.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 9 haribulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 4/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mumin bin Kadir, d/a Ketua Kg. Haji Ludin bin Gapar, Rumah No. 56, Sg. Kebun, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ahmad bin Hj. Kula yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa saudara kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 22 haribulan Februari, 1972, pada jam pukul 10.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 9 haribulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 5/1972

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Metusin bin Ja'afar, d/a No. 3470, Jalan Badas, Kg. Perpindahan Baru, Seria kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Indon binte Amit yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 22 haribulan Februari, 1972, pada jam pukul 10.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 9 haribulan Februari, 1972.

IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER,

ADMINISTRATION SUIT

No. 52 of 1971.

Application to this Court having been made by Tok Siow Luan of No. 77, Jalan Bunga Melor, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Tok Hoon Nam late of No. 110, Chan Sam Road, Hai-Kou, Town, Hainan, China deceased, on the ground that applicant is lawful cousin of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 22nd day of February, 1972, at 10.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 9th day of February, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 1 of 1972.

Application to this Court having been made by Wong Lay Sing of Hiap Hong Sawmill Company, Jalan Badas, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Wong Hing Kee @ Wong Heng Kee late of Seria, State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful grandson of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 22nd day of February, 1972, at 10.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 9th day of February, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 3 of 1972.

Application to this Court having been made by Peter Lee of Public Works Department, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Chin Shui Lan late of Kuala Belait deceased, on the ground that applicant is lawful son of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 22nd day of February, 1972, at 10.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 9th day of February, 1972.



Muzium Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Muzium Brunei di-Kota Batu akan di-rasmikan pembukaannya pada hari Selasa 29hb. Februari ini.

Bangunan yang terletak di-pinggir bukit menghalak ka-Sungai Brunei itu telah siap dalam tahun lepas.

Ia-nya akan di-buka kepada orang ramai mulai 15hb. Mach hadapan. Orang ramai boleh melawat Muzium itu dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari pukul 2.00 petang hingga 5.00 petang pada tiap2 hari kecuali hari Isnin.

AWANG Haji Suhaimi telah di-pilih sa-mula sa-bagai Yang Di-Pertua Persatuan2 Peladang Negeri Brunei.

Beliau telah di-pilih dengan sa-bulat suara d a l a m mashuarat agong yang kelima persatuan itu yang telah berlangsung di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Naib — Yang Di-Pertua Awang Danial bin Haji Hanafiah sementara Setia Usaha ialah Awang Rosli bin Umar dan Penolong Setia Usaha, Awang Talip bin Miramit.

Lian2 ahli jawatankuasa yang

telah di-pilih dalam mashuarat itu ia-lah Awang Leong Qui dan Awang Latat bin Apong (Daerah Belait); Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim dan Awang Ratu bin Mohammad (Daerah Tutong); Dato Ratna Haji Jaafar bin Jamaluddin dan Awang Rashid bin Bandul (Brunei-Muara) dan Awang Teo Eng Teck dan Awang Karim bin Mohammad (Daerah Temburong).

Mashuarat tersebut telah di-rasmikan oleh Y.B. Awang Haji Aziz bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Awg. Haji Umar, (gambar atas).

Persiapan2 telah di-ator bagi menyambut keberangkatan Baginda Queen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persiapan2 telah pun di-ator bagi menyambut keberangkatan tiba D.Y.M.M. Baginda Queen ka-Brunei pada 29 Februari ini.

Sa-bahagian dari persediaan2 sedang dilaksanakan, ini termasuklah pembenaan pintu2 gerbang, memasang tiang2 bendera di-tepi2 jalan dan memasang lampu2 yang berwarna warni.

Sa-buah jety juga sedang di-bena di-hadapan sekolah Melayu Dato Gandhi, kira2 tiga batu dari Bandar Seri Begawan.

Menurut rancangan yang telah di-susun Baginda Queen akan berangkat menaiki kenderaan dari Muara menuju ka-Dato Gandhi, dan dari sana baginda akan berangkat turun ke-jety itu, untuk menaiki sa-buah kenaikan khas yang akan membawa baginda ka-tambatan Kastam Diraja Bandar Seri Begawan.

D.Y.M.M. Baginda Queen akan di-iringi oleh suami baginda Yang Teramat Mulia Prince Philip dan Princess Anne.

Yang Teramat Mulia Prince Philip pernah melawat Brunei dalam tahun 1958 dan merasmikan pembukaan sa-buah jambatan di-Bandar Seri Begawan yang di-beri nama Jam-Edinburgh.



Sa-orang pekerja sedang memasang bendera di-Jalan Residency.

Buku keluaran khas Muzium Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Muzium Brunei akan menerbitkan enam buah buku keluaran khas bagi memperingati pembukaan rasmi muzium tersebut pada 29hb. Februari ini.

Penyata Muzium Brunei dari tahun 1965 hingga 1970 akan di-jual dengan harga \$1.50 sa-naskah dan buku mengenai sejarah rengkas Panji2 Negeri Brunei akan di-jual dengan harga \$1.00 sa-

naskah.

Empat buah buku ia-itu mengenai hal binatang2, kebudayaan penduduk2 di-Borneo, tembikar dan barang2 pechah belah dan rumah2 orang asli di-Brunei masing2 berharga \$1.00 sa-naskah.

Buku2 itu akan di-jual di-Muzium tersebut sa-lepas upacara pembukaan rasmi pada hari itu dan di-Muzium Peringatan Churchill, di-Bandar Seri Begawan.

Pemimpin2 di-seru supaya tidak menyalahgunakan kuasa

(Dari muka 1)

berkelibar, jujur dan berkemampuan," jelas beliau.

Beliau mengingatkan bahawa keretakan dalam persatuan biar-lah di-selesaikan dalam suasana muhibbah dan perundingan, tetapi bukan-lah dengan chara berhakim kepada kekuatan badan.

Yang Di-Pertua MBB itu menjelaskan bahawa pihak2 yang berkenaan di-negeri ini boleh mengishtiharkan sa-sa-buah persatuan itu tidak berjalan lagi jika gagal menurut kehendak Undang2 Negeri.

Membuat laporan tahunan kepada pihak yang berkuasa mengenai dengan pergerakan persatuan ada-lah salah satu tanggung-jawab pemimpin2 persatuan.

Menyebut mengenai pergerakan Persatuan Angkatan Pemuda-Pemudi Kampong Sultan Lama yang baru2 ini pernah di-ishtiharkan oleh pihak yang berkuasa sa-bagai tidak berjalan lagi, beliau berharap supaya pemimpin2 dan ahli2 persatuan itu akan dapat meneliti sebab2 dan mengapa kejadian itu telah berlaku untuk di-jadikan pelajaran demi untuk menjamin PAPP hidup terus dan berkhidmat dengan jujur-nya kepada masyarakat.

Namun demikian, beliau mengingatkan bahawa kewangan sa-sebuah persatuan hendak-lah di-jaga dengan baik dan kunchi kira2 hendak-lah di-buat dengan betul.

Untuk menjamin kelancaran perjalanan sa-sebuah persatuan itu, beliau menasihatkan supaya di-adakan beberapa peratoran dan mengamalkan fahaman muhibbah dan saling mengerti serta menyelesaikan satu2 masalah dengan chara yang aman.

Mashuarat agong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan ASTERWANI akan mengadakan mashuarat agong pada hari ini (Rabu) 16hb. Februari, 1972 bertempat di-Bilik Gerakan Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan mulai jam 8.00 pagi.

Setia Usaha persatuan itu, Awang Leman Ahmad berkata antara yang akan di-binchangkan dalam mashuarat itu termasuklah membinchangkan kertas kerja dan memilih ahli2 jawatankuasa bagi tahun 1972.

Beliau menyeru ahli2 persatuan itu supaya hadir pada hari dan masa yang telah ditetapkan itu.